

11/03/2004

Subramaniam ikrar bantu BN

PETALING JAYA: Timbalan Presiden MIC, Datuk S Subramaniam, berikrar terus menyokong Barisan Nasional (BN), walaupun digugurkan sebagai calon pada pilihan raya umum, 21 Mac ini.

Bekas Ahli Parlimen Segamat yang dipilih menduduki kerusi kedua terpenting dalam pemilihan MIC tahun lalu, akan terus berkhidmat untuk kepentingan ahli MIC dan seluruh masyarakat India di negara ini.

Beliau yang mengaku terkejut dengan mendengar penggugurannya menerusi pengumuman radio yang dibuat Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, kira-kira jam 5 petang semalam, bagaimanapun menerima berita itu kerana ini kali kedua ia berlaku ke atasnya selepas kali pertama pada 1990.

Ditanya mengenai punca beliau digugur sebagai calon, Subramaniam menjawab:

"Mungkin Presiden MIC atau Pengerusi BN tahu. Apa yang dapat saya katakan, berlaku ketegangan dalam hubungan saya dengan Samy kira-kira tiga bulan lalu, tetapi tidak ada perbalahan atau pergaduhan antara kami berdua.

"Bagaimanapun, saya tidak sangka sama sekali ia akan menyebabkan saya digugurkan daripada senarai calon pilihan raya kali ini.

"Semuanya berlaku selepas bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengeluarkan kenyataan meminta pemimpin veteran supaya berundur pada pilihan raya umum akan datang.

"Seingat saya, saya cuba untuk tidak memberi sebarang komen apabila diminta oleh wartawan mengenai perkara itu kerana bimbang ia akan menyebabkan Samy berkecil hati," katanya ketika ditemui di rumahnya di Seksyen 16 di sini, petang semalam.

Pada pilihan raya umum 1999, Subramaniam memenangi kerusi Parlimen Segamat menewaskan calon DAP, Tee Gey Yan dengan memperoleh majoriti 10,430 undi.

Subramaniam berkata, dalam arena politik, perkara ini (pengguguran) sememangnya berlaku, bagaimanapun beliau tidak akan bersara dari politik kerana masih mempunyai tenaga untuk menyumbang bakti untuk masyarakat India.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang berusia 60 tahun itu berkata, sejak seminggu lalu beliau menerima ribuan panggilan telefon daripada penyokong MIC termasuk dari Segamat, selain surat dan faksimili untuk mendapatkan penjelasan mengenai khabar angin beliau akan digugurkan.

"Saya cuma menasihatkan mereka supaya bersabar dan tunggu keputusan yang akan dibuat kepimpinan MIC serta BN.

"Ketika ini, yang penting ialah saya dan penyokong memberi sokongan padu kepada kepimpinan Pak Lah selaku Pengerusi BN dan Perdana Menteri untuk terus mendapat mandat memimpin negara, yang lain saya tangguhkan dulu," katanya.